

# 71 hidap chikungunya di Perak

3 daerah terbabit, Kampung Baru Air Kuning diisytihar lokasi panas wabak

Oleh Shamsul Kamal Amardin dan Balqis Jazimah Zahari  
bhnews@bh.com.my



**Saya arahkan pegawai kesihatan masuk sahaja premis yang dikenal pasti menjadi punca wabak jangkitan denggi dan chikungunya.**

**A Sivanesan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia Perak**

**Ipoh:** Seramai 71 orang dikesan menghidap penyakit chikungunya di tiga daerah di Perak sejak 18 Oktober lalu dengan kes terbanyak dikesan di Kampung Baru Air Kuning dalam daerah Batang Padang yang juga diisytiharkan lokasi panas wabak berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia negeri, A Sivanesan, berkata 44 kes dikesan di daerah Batang Padang, diikuti 16 kes di Larut Matang Selama (LMS) dan 11 kes di Kampar.

"Daripada jumlah itu, Kampung Baru Air Kuning mencatatkan kadar jangkitan tertinggi iaitu 21 kes diikuti Pokok Assam Zon 2, LMS (12 kes), manakala pekan Bidor dan Taman Tapah dalam daerah Batang Padang masing-masing lapan kes.

"Kita pandang serius kes ini, tetapi menjangkakan wabak berakhir secara berperingkat dalam tempoh 20 hingga 25 November ini," katanya di sini, semalam.

Setakat hari ini, hanya tiga pesakit baharu dikesan iaitu di Malim Nawar dalam daerah Kampar; tetapi dijangka pulih dalam tempoh empat hari akan datang.

Chikungunya tidak begitu bahaya sehingga mengakibatkan kematian seperti denggi walaupun ia berpunca daripada sumber sa-

ma iaitu nyamuk Aedes.

Tiada keperluan untuk kerajaan negeri melakukan kuarantin terhadap mana-mana lokasi atau kawasan disebabkan wabak itu.

Justeru, maklumat viral dalam media sosial meminta orang ramai mengelak daripada mengunjungi Tapah dan Bidor dalam tempoh terdekat adalah tidak tepat.

"Sebagai contoh, di pekan Bidor yang mempunyai kira-kira 5,000 penduduk, hanya ada lapan kes kumulatif (dikesan 18 Oktober hingga sekarang). Adalah tidak tepat melarang orang ramai ke Bidor semata-mata kerana takut wabak ini," katanya.

Setakat ini, Jabatan Kesihatan negeri mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan lain dan

penduduk dalam usaha menanganinya dan membendung wabak itu.

Terbaharu, lebih 50 penduduk mengambil bahagian dalam program gotong-royong di satu lokasi terbabit pada Sabtu lalu.

Dalam usaha mengadang penularan wabak, pihak berkuasa terutama Jabatan Kesihatan menghadapi beberapa kekangan antaranya masalah untuk memasuki premis tiada penghuni, berkunci dan tidak dijaga dengan bersih.

Isu itu dikatakan berlaku di seluruh negara yang mana pemilik rumah boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak kerajaan yang memasuki premis mereka dengan alasan menceroboh.

Sivanesan berkata, pihaknya mengkaji untuk menggubal undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) yang membenarkan pegawai kerajaan memasuki sesuatu premis tanpa kebenaran pemilik jika ia membabitkan keselamatan awam.

"Saya sudah arahkan pegawai kesihatan masuk sahaja mana-mana premis yang dikenal pasti menjadi punca wabak jangkitan denggi dan chikungunya dan jika pemilik mengambil tindakan undang-undang, kerajaan akan membela mereka," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, berkata kerajaan negeri akan mengambil tindakan segera berikutan chikungunya sudah diisytiharkan di beberapa daerah negeri itu.

Satu mesyuarat kerajaan negeri bersama agensi berkaitan akan diadakan bagi membincangkan langkah mengatasi wabak.

"Kita akan mendapatkan laporan sepenuhnya daripada EXCO Kesihatan dan laporan jabatan berkaitan serta mengambil langkah susulan daripada laporan diterima," katanya.

## DEMAM CHIKUNGUNYA

Tanda-tanda ini biasanya bermula pada hari ke-3 hingga ke-7 selepas gigitan nyamuk Aedes

- Demam, ruam sakit sendi yang teruk
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Bengkak
- Kemerahan pada sendi
- Sakit sendi akan berterusan sehingga sebulan selepas penyakit sembuh

**PENCEGAHAN**

- Gunakan penghalau serangga
- Gunakan seluar dan baju lengan panjang
- Ambil langkah bijak menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan membersihkan kawasan persekitaran

• Penyakit jangkitan virus bawaan nyamuk Aedes yang tiada rawatan tetapi boleh dicegah